Banyak penyelidik telah menjalankan kajian terhadap personaliti pelajar (Bishop-Clark dan Wheeler, 1994; Gardner dan Korth, 2001; McClanaghan, 2000). Antaranya, Bishop-Clark dan Wheeler (1994) mengkaji sama ada pelajar dengan jenis personaliti yang tertentu memperoleh pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang mempunyai jenis personaliti yang berlawanan. Penekanan terutamanya ditujukan kepada proses pembelajaran para pelajar, iaitu bagaimana pelajar mempelajari sesuatu.

Dalam mata pelajaran Matematik, pelajar yang mempunyai jenis personaliti yang berlainan semakin dititikberatkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran Matematik. Kaedah pengajaran Matematik pula telah mula berubah ke arah perancangan aktiviti-aktiviti yang dapat melibatkan pelajar yang mempunyai jenis personaliti yang berlainan berfikir secara kritis, kreatif dan aktif. Dalam konteks Malaysia, guru digalakkan memberi tumpuan kepada perkembangan KBKK yang diperlukan oleh pelajar untuk memahami dan menyelesaikan masalah dalam Matematik (Poh, 2000). Antara KBKK Matematik yang perlu dititikberatkan meliputi kemahiran menterjemah, menyusun atur, membuat gambar rajah, mentafsir, mengecamkan perhubungan, membuat inferens, membandingbeza dan sebagainya. Dalam kes ini, teknologi komputer dapat memainkan peranannya untuk melibatkan pelajar yang mempunyai jenis personaliti yang berlainan berfikir secara kritis, kreatif dan aktif dalam konteks Matematik. Teknologi komputer dapat membolehkan pelajar menerokai, mengkaji dan menemui idea Matematik yang penting (Posamentier dan Stepelman, 2002) selepas pertimbangan yang sewajarnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Terdapat kajian-kajian yang telah mencadangkan bahawa penggunaan komputer memberikan kesan yang positif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pelajar (Tsuei, 1998; Clements, 1986) serta meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Tang, et al., 2002a; 2002c; Clayton, Farrands dan Kennedy, 1990; Mackie dan Scott, 1988; Hassan dan Hjelmft, 1992; Heid, 1988; Peckman, 1998; Crawford, 1998; Zaleha, 1992). Penggunaan perisian komputer dapat melibatkan pelajar dalam pemikiran kritis dan kreatif terhadap tajuk yang dipelajari. Keadaan seperti ini membolehkan pelajar memahami tajuk dengan lebih baik serta berpeluang melatih kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang berguna. Penguasaan KBKK yang berguna dengan baiknya meningkatkan prestasi pembelajaran seseorang pelajar memandangkan pelajar dapat bebas dan mahir menggunakan kemahiran-kemahiran yang sesuai dalam menyelesaikan sebarang masalah pembelajaran mereka.

Jonassen, et al. (1999) menggalakkan perjalanan kajian-kajian yang mengkaji mengenai aplikasi komputer sebagai satu potensi untuk menggalakkan pemikiran kritis dan pemikiran kreatif serta pembentukan makna (*meaning making*) dalam pelajar. Pembentukan makna merupakan tumpuan konstruktivisme. Komputer seharusnya digunakan untuk menggalakkan pelajar terlibat dalam pemikiran kompleks; yang terbahagi kepada pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan pemikiran kandungan/asas pelajar (Jonassen, 2000; Jonassen, 1996). Komputer dapat digunakan sebagai fasilitator dalam meluaskan pemikiran pelajar dan dalam membina pengetahuan bermakna atau relevan pelajar. Komputer dapat meluaskan keupayaan pelajar dalam menganalisis, menilai, menghubungkan, mensintesis, menghuraikan dan menggambarkan pengetahuan melalui reka bentuk dan persekitaran yang menggalakkan penguasaan KBKK pelajar.

Dalam kaedah tradisional, komputer mengajar pelajar untuk menghafal, memahami dan mengingat maklumat berdasarkan maklumat yang diprogramkan awal dalam komputer dan yang dipersembahkan kepada pelajar. Komputer juga menanyakan soalan yang menguji sama ada pelajar menghafal, memahami dan mengingat maklumat yang dipersembahkan. Pembelajaran secara tradisional didapati

memiliki ciri-ciri pembelajaran yang berlainan dengan pembelajaran konstruktivisme yang banyak dibincangkan oleh pelbagai pihak seperti Simons (1993); Knuth dan Cunningham (1993); Winn (1993); Honebein, et al. (1993); Merrill (1991); Steffe dan Kieren (1994). Pembelajaran konstruktivisme menekankan bahawa pelajar membina pengetahuan sendiri secara aktif berdasarkan pengetahuan sedia ada. Pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri di mana pelajar belajar dari pengalaman yang sedia ada, mentafsirkan pengalaman berasaskan kepada apa yang telah diketahui, menggunakan pemikiran mereka untuk membina pengetahuan baru atau pemahaman baru.

Komputer dapat menggalakkan dan menyokong pembelajaran konstruktivisme (Jonassen, et al., 1999). Untuk menggalakkan dan menyokong pembelajaran konstruktivisme, komputer melibatkan pelajar dalam pembelajaran aktif, di mana pelajar berpeluang menerokai dan memanipulasikan aktiviti-aktiviti dalam komputer, melihat kesan manipulasi serta membina interpretasi sendiri; melibatkan pelajar dalam pembelajaran konstruktif, di mana pelajar mengintegrasikan pengalaman baru yang diperolehi melalui komputer dengan pengetahuan yang telah dipelajari atau diketahui untuk memahami fenomena yang diperhatikan oleh mereka dalam komputer; melibatkan pelajar dalam pembelajaran bertujuan, di mana pelajar menentukan matlamat sendiri dalam sebarang situasi pembelajaran berkomputer dan jelas dengan apa yang dipelajari, dengan itu, pelajar dapat mengimbas pada proses yang dilalui dan menggunakan pengetahuan yang dibina dalam situasi baru; melibatkan pelajar dalam pembelajaran *authentic*, di mana pelajar didedahkan kepada aktiviti dunia sebenar, aktiviti yang disimulasikan dan aktiviti yang memberikan konteks yang berlainan melalui komputer untuk pelajar melatih penggunaan idea dalam usaha meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah pelajar; serta melibatkan pelajar dalam pembelajaran koperatif. Didapati komputer membolehkan pelajar berpeluang melibatkan diri dalam pembelajaran yang bermakna.

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) Matematik secara konstruktivisme, sama ada melibatkan penggunaan P&P berkomputer atau tidak, mendorong pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Keadaan ini dapat dilakukan di mana melalui P&P Matematik secara konstruktivisme, pelajar berpeluang membina pengetahuan baru

secara aktif berdasarkan pengetahuan sedia ada dan melalui penyesuaian terhadap pengetahuan yang diterima. Pembinaan pengetahuan baru dan penyesuaian terhadap pengetahuan yang diterima memerlukan pemikiran kritis dan kreatif. Maka, hasil persekitaran konstruktivisme Matematik patut menilai pemikiran peringkat tinggi (Jonassen, et al., 1993), seperti pemikiran kritis dan kreatif pelajar.

Sekolah pada masa sekarang tidak boleh hanya memfokus pada pengetahuan yang perlu dipelajari oleh pelajar (Morrison dan Lowther, 2001), tetapi juga perlu membantu pelajar menguasai KBKK yang penting digunakan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Kepentingan penguasaan KBKK dalam konteks Malaysia dapat dilihat melalui saranan kepada guru dalam Laporan Prestasi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2001 dan 2002 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003; 2002); di mana guru haruslah memberi latihan pelbagai yang berbentuk KBKK kepada pelajar dan juga guru haruslah memastikan pelajar menguasai kemahiran yang diperlukan bagi setiap topik. Kepentingan penguasaan KBKK juga dapat dilihat melalui saranan kepada pelajar dalam Laporan Prestasi SPM 2002 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003); di mana pelajar dinasihatkan untuk memperbanyakkan latihan atau latihan menjawab soalan yang bercorak bukan rutin khasnya soalan berunsur KBKK.

Pada masa sekarang, para pengajar umumnya bersetuju bahawa KBKK dapat dipertingkatkan melalui pengajaran dan latihan penguasaan kepada pelajar. Para pelajar dapat belajar untuk berfikir dengan lebih baik jika sekolah mengajar mereka cara yang betul (Phillips, J. A., 1997) dan memberi peluang untuk mereka melatih KBKK. Pelajar perlu dilatih atau dilengkapi dengan kemahiran menganalisis, menilai dan menggunakan maklumat untuk membina pemahaman baru (Marien, Vislocky dan Chapman, 2001) dan menjana pengetahuan baru (Morrison dan Lowther, 2001). Penguasaan KBKK, seperti kemahiran menganalisis, menilai dan menggunakan maklumat, membolehkan pelajar-pelajar sentiasa menggunakan minda untuk membuat pertimbangan yang berasas apabila menemui masalah dan menghasilkan idea baru yang pelbagai dalam usaha menyelesaikan sesuatu masalah.

Pada masa sekarang, penegasan telah diberikan untuk mengembangkan KBKK yang mahir di kalangan pelajar dalam menyelesaikan masalah matematik.

Cook (2001) menyatakan pelbagai pihak beranggapan salah bahawa matematik pada asasnya hanya melibatkan kiraan, prosedur penghafalan dan prosedur mengikut peraturan tertentu dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Walaupun pelajar boleh juga lulus peperiksaan melalui latihan pengiraan yang banyak, prosedur penghafalan dan prosedur mengikut peraturan, tetapi mereka tidak akan dapat mengaplikasikan langkah dan prosedur sebegini ke masalah matematik yang lebih kompleks. Untuk menyelesaikan masalah matematik yang kompleks, pelajar seharusnya dilengkapi dengan KBKK yang mahir. Maka, masalah matematik yang terbuka haruslah digunakan dalam kelas untuk menggalakkan pemikiran kritis dan pemikiran kreatif pelajar yang mahir. Pelajar haruslah digalakkan untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam pelajaran matematik seharian, serta selalu berusaha melatih KBKK matematik yang mahir.

Maklumat mengenai KBKK matematik merupakan aspek yang sangat penting dalam reka bentuk serta pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) matematik seharian. KBKK matematik yang dikenal pasti oleh Poh (2000) meliputi kemahiran menyatakan matlamat masalah, menterjemah, membuat anggaran, menyusun atur, membuat gambar rajah, memproses secara mental, mentafsir, mengelas, mengecamkan perhubungan, menggunakan analogi, mengecamkan pola, membuat inferens, membuat generalisasi, membanding dan membeza, mencari semua penyelesaian yang mungkin, bekerja ke belakang, mengecamkan falasi serta cubajaya. Dalam kajian ini, senarai KBKK yang digunakan meliputi senarai ubahsuai hasil daripada gabungan KBKK yang dikenal pasti oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), Iowa Department of Education (1989), Wong & Wong (2003) dan Poh (2000). Rasional penggunaan senarai KBKK untuk kajian ini diterangkan pada Bahagian 1.6 Kerangka Teori Kajian.

KBKK dapat diajarkan kepada pelajar melalui tiga pendekatan, iaitu pendekatan penyebatian, pendekatan terpisah dan pendekatan gabungan (rujuk Bahagian 2.3.2 Pengajaran Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif untuk penerangan yang lanjut). Kajian ini memberikan penekanan kepada pengajaran kandungan mata pelajaran dan KBKK secara penyebatian melalui penggunaan perisian pendidikan kepada pelajar. Dalam mata pelajaran matematik, pelajar bukan sahaja mempelajari isi kandungan pelajaran, tetapi juga mempelajari KBKK secara

saling berkait. Perisian kajian ini dibangunkan untuk mengajar kedua-dua kandungan pelajaran dan KBKK. Pelajar digalakkan banyak berfikir terhadap isi kandungan tersebut. Pelajaran penyebatian sebegini bertujuan untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan kualiti kemahiran berfikir seseorang pelajar.

Penggunaan soalan-soalan yang bersesuaian dapat membantu pelajar melatih KBKK mereka. Selain itu, penggunaan soalan-soalan yang bersesuaian juga dapat menilai tahap penguasaan KBKK pelajar. Soalan dan penyoalan boleh membantu pelajar membuat pertimbangan, menjanakan idea baru, mengembangkan proses berfikir secara kritis dan kreatif, menguji kebolehan serta menilai pencapaian (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Morgan dan Saxton (1991) serta Presseisen (1987) telah menggunakan soalan-soalan untuk melatih dan menilai KBKK pelajar seperti kemahiran menganalisis, kemahiran mensintesis, kemahiran menilai, kemahiran mengelas serta kemahiran menghubungkan. Kneedler (1985) telah melaporkan penggunaan tiga pendekatan, iaitu melalui soalan objektif, soalan esei dan soalan yang menguji kefahaman komponen kemahiran berfikir secara kritis dalam menilai penguasaan kemahiran berfikir secara kritis pelajar. Norris dan Ennis (1989) pula telah melaporkan penggunaan ujian aneka pilihan, ujian *constructed-response*, pemerhatian kelas yang langsung, temu bual individu serta jurnal pelajar dan guru dalam menilai penguasaan kemahiran berfikir secara kritis pelajar.

Terdapat pelbagai instrumen yang boleh digunakan untuk menilai KBKK. Instrumen tersebut boleh meliputi ujian yang berbentuk komersil seperti *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal (WGCTA)*, *Ennis-Weir Critical Thinking Essay Test*, *Torrance Tests of Creative Thinking (TTCT)* dan sebagainya (Norris dan Ennis, 1989; Yong, 1989; Fisher dan Scriven, 1997). Terdapat juga instrumen binaan sendiri, sama ada berbentuk ujian objektif seperti item aneka pilihan atau ujian subjektif seperti item esei, yang boleh digunakan bersesuaian dengan konteks kajian atau subjek yang spesifik (Norris dan Ennis, 1989; Ruggiero, 1988). Penyelidik atau pengajar mungkin memerlukan satu set instrumen KBKK yang dapat memenuhi tujuan kajian, subjek atau konteks kajian mereka, maka mereka mungkin membentuk instrumen KBKK yang bersesuaian dengan tujuan mereka. Dalam kajian ini, satu set penilaian KBKK yang berbentuk soalan subjektif dibentuk untuk menguji tahap penguasaan KBKK pelajar dalam mempelajari tajuk Gerakan Pada Garis Lurus.

Penilaian terhadap penguasaan KBKK pelajar membolehkan maklumat mengenai pemikiran kritis dan pemikiran kreatif pelajar dikumpulkan. Walau bagaimanapun, setiap kaedah penilaian mempunyai kelebihan tersendiri dalam memenuhi tujuan penilaian KBKK yang tertentu, maka penyelidik haruslah bijak memilih kaedah atau beberapa kaedah penilaian yang bersesuaian dengan tujuan tersebut. Pemilihan kaedah penilaian yang bersesuaian membolehkan maklumat mengenai pemikiran kritis dan pemikiran kreatif yang relevan dikumpulkan untuk analisis bermakna yang selanjutnya.

Pada masa sekarang, penyelidikan mengenai pemikiran kritis dan pemikiran kreatif kurang menekankan perbezaan individu yang wujud di kalangan pelajar. Hubungan kompleks di antara kemahiran berfikir secara kritis pelajar dengan jenis personaliti pelajar belum lagi dikaji secara empirik, iaitu belum lagi dikaji melalui eksperimen atau pemerhatian (Kreber, 1998). Sehubungan itu, kemahiran berfikir secara kreatif turut memerlukan penyelidikan yang empirik. Kemungkinan wujudnya hubungan di antara jenis personaliti pelajar dengan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pelajar memerlukan penyelidikan lanjutan yang teliti. Kreber (1998) mencadangkan bahawa kajian pada masa hadapan boleh memfokus pada pengaruh penguasaan kemahiran berfikir secara kritis pelajar terhadap pencapaian dan juga pendekatan pembelajaran mereka.

Maklumat mengenai jenis personaliti pelajar merupakan aspek yang sangat penting dalam reka bentuk serta pelaksanaan proses P&P matematik seharian. Cara pelajar pada masa sekarang mentafsirkan ilmu pengetahuan (Schroeder, 1993) banyak berbeza dengan pengajar mereka. Fenomena sebegini menyebabkan pendekatan proses P&P yang menekankan pengajar menyampaikan idea kepada pelajar tidak berjaya dilaksanakan terhadap majoriti pelajar pada masa sekarang. Pelajar sedang berubah secara dramatik dan pengajar kini perlulah menghadapi perubahan tersebut dengan kaedah yang berkesan agar membantu meningkatkan pencapaian dan ilmu pengetahuan para pelajar.

Banyak institusi pendidikan dan penyelidik di luar negara telah menggunakan dan mencadangkan penggunaan *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) untuk meningkatkan kesedaran diri para pelajar (Moore, Dietz dan Jenkins, 1997;

Bayne, 1995). MBTI merupakan satu alat yang berguna dalam meningkatkan kesedaran diri para pelajar. Kesedaran pelajar mengenai jenis personaliti diri membantu mereka meninjau kembali pengalaman pembelajaran lepas dengan satu perspektif yang berlainan, menyesuaikan perbezaan pembelajaran, mengetahui arah tuju diri, meningkatkan prestasi pembelajaran mereka dan merancang pengalaman masa hadapan mereka dengan perspektif yang lebih baik (Gardner dan Korth, 2001).

Pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (2002; 1997; 1996); Khoo, et al. (1999); Nemirovsky (1994); Thompson (1994); Thompson & Thompson (1994), telah mengenal pasti masalah pembelajaran pelajar dalam tajuk Gerakan Pada Garis Lurus (GPGL). Pelajar umumnya kurang memahami dan lemah dalam sesetengah konsep dan juga dalam penguasaan kemahiran yang diperlukan dalam mempelajari tajuk GPGL. Hasil analisis terhadap prestasi calon SPM tahun-tahun lepas pula umumnya menunjukkan bahawa pencapaian calon dalam tajuk GPGL Matematik Tambahan kurang memuaskan. Antaranya, untuk Kertas 2 tahun 1994, didapati majoriti pelajar gagal mencari jarak 1 saat selepas diam seketika dalam soalan 6; untuk soalan 15 Kertas 2 tahun 1994 pula, lebih daripada 90% pelajar gagal menjawab bahagian soalan (b), (c) dan (d) di mana mereka tidak dapat memasukkan dalam pengiraan jarak 8m di antara P dan Q (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995); untuk soalan 7(b) Kertas 2 tahun 1995, hampir 50% pelajar salah bahagian ini di mana pelajar tidak dapat mengaitkan jarak maksimum atau $v=0$ dengan $dv/dt=0$; untuk soalan 15, Kertas 2 tahun 1995, pelajar secara keseluruhan amat lemah dalam lakaran graf untuk bahagian (b) dan kebanyakan pelajar tidak dapat membezakan konsep jarak dilalui dengan sesaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Untuk soalan 7 Kertas 2 tahun 2002, prestasi calon dalam bahagian (b) adalah lemah di mana calon tidak tahu makna sesaran positif, sifar dan negatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Cadangan kajian yang dihasilkan daripada latar belakang yang diberikan di atas ialah pembangunan satu perisian yang membolehkan pelajar yang mempunyai personaliti yang berlainan melatih KBKK mereka. Perisian sebegini berperanan membantu pelajar dalam proses P&P Matematik Tambahan mereka serta juga membantu pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Pelajar boleh melatih KBKK yang diperlukan dalam mempelajari tajuk Gerakan Pada Garis Lurus melalui perisian

yang dibangunkan. Melalui perisian juga, pelajar dapat memperolehi maklumat yang bersesuaian dengan personaliti mereka. Tindakan ini membantu meningkatkan kesedaran potensi dan kelemahan diri pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Phillips, J. A. (1997) melaporkan bahawa kemahiran berfikir, terutamanya KBKK tidak dikuasai dengan mahir oleh para pelajar. Para pelajar menghadapi masalah dalam menggunakan KBKK seperti kemahiran-kemahiran mengelaskan, membuat anggaran, menggunakan analogi dan membuat kesimpulan dalam pelbagai situasi. Para pelajar juga menghadapi masalah dalam menggunakan KBKK tersebut secara spontan dan semula jadi. Maka, pengajaran KBKK terhadap pelajar berperanan membantu para pelajar memperbaiki KBKK mereka dalam menghadapi cabaran era berteknologi tinggi kini dengan lebih yakin.

Swartz dan Perkins (1990) pula melaporkan bahawa pelajar-pelajar menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan dalam sesetengah kemahiran berfikir secara tinggi seperti kemahiran penyelesaian masalah matematik dan KBKK. Boo dan Toh (1997) pula mendapati bahawa kumpulan siswazah sains dan kejuruteraan umumnya mengalami kekurangan dalam penguasaan kemahiran berfikir secara saintifik. Bukti juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kurang mahir dalam penggunaan pemikiran tinggi, pemikiran analitis (Beyer, 1988) dan operasi pemikiran secara kompleks (Beyer, 1988; Beyer, 1997). Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) telah melaporkan bahawa masih ramai pelajar SPM yang bukan sahaja tidak memiliki kemahiran penyelesaian masalah dan gagal mengaplikasikan KBKK, malah mereka turut tidak memiliki penguasaan asas yang kukuh untuk menghadapi peperiksaan Matematik Tambahan. Kebanyakan pelajar didapati tidak mahir berfikir, tidak merancang dan tidak menilai proses mental mereka dalam melaksanakan sesuatu tugas atau dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Masalah pembelajaran pelajar dalam tajuk Gerakan Pada Garis Lurus (GPGL) telah dikenal pasti oleh pelbagai pihak, seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (2002, 1997, 1996); Khoo, et al (1999); Nemirovsky (1994); Thompson (1994); Thompson dan Thompson (1994). Masalah pembelajaran tajuk GPGL yang selanjutnya boleh dirujuk dari Bahagian 2.5.1 Masalah Pembelajaran Dan Rasional Pemilihan Tajuk GPGL. Masalah pembelajaran tajuk GPGL ini perlu dititikberatkan dan usaha dijalankan untuk membantu para pelajar mempelajari tajuk ini dengan berkesan.

Lawrence (1993) melaporkan bahawa sesetengah pendekatan pengajaran atau penyeliaan dapat dijalankan dengan berkesan terhadap sesetengah pelajar dan tidak untuk pelajar yang lain. Fakta bahawa seseorang pelajar lebih menyukai pendekatan penyelesaian masalah (*extraverted*) daripada pendekatan reflektif (*introverted*) merupakan antara contoh maklumat personaliti yang banyak menyumbangkan kepada kemajuan pembelajaran para pelajar jika pendidik membuat sesuatu terhadap perbezaan pendekatan tersebut. Pelajar yang *extraverted* lebih suka bertindak cepat dan kadangkala tanpa banyak berfikir. Pelajar yang *introverted* pula lebih suka menggunakan masa dalam mempertimbangkan sesuatu perkara dan lambat mencuba sesuatu tanpa memahaminya terlebih dahulu. Maklumat mengenai kepelbagaian jenis personaliti pelajar adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk membantu memperbaiki prestasi pelajaran para pelajar.

Oleh sebab wujudnya masalah-masalah dalam penguasaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK), pembelajaran tajuk GPGL serta kepelbagaian dalam personaliti para pelajar pada masa sekarang, penggunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi semua pelajar merupakan satu aktiviti yang mencabar. Sesuatu aktiviti mungkin ideal untuk sesetengah pelajar, kurang berguna untuk pelajar yang lain atau tidak berguna untuk baki pelajar yang ada. Para pengajar perlu mahir menguruskan penguasaan KBKK dan personaliti pelajar yang wujud di dalam pengajaran dan pembelajaran seharian. Tinjauan terhadap hubungan di antara jenis KBKK para pelajar dan personaliti pelajar; sebagaimana diuji melalui aktiviti-aktiviti berkenaan KBKK pelajar dan *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI); mungkin berguna kepada pendidik yang berusaha untuk meningkatkan prestasi pembelajaran para pelajar.

Sejauh manakah perisian yang menerapkan aktiviti-aktiviti KBKK dapat membantu dalam pembelajaran Matematik Tambahan para pelajar yang mempunyai personaliti yang berlainan? Bertolak dari persoalan yang dikemukakan, maka penyelidik berminat untuk menjalankan kajian ini.

1.4 Rasional Kajian

Rasional kajian ini dijalankan ialah kerana wujudnya masalah pembelajaran para pelajar dalam tajuk GPG (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002; 1997; 1996; Khoo, et al., 1999; Nemirovsky, 1994; Thompson, 1994; Thompson dan Thompson, 1994), masalah menggunakan KBKK oleh pelajar (Phillips, J. A., 1997; Swartz dan Perkins, 1990; Beyer, 1988) dan masalah perbezaan keberkesanan pendekatan pengajaran guru terhadap jenis personaliti pelajar yang berlainan (Lawrence, 1993; Schroeder, 1993). Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajar dalam mempelajari tajuk GPG boleh dirujuk secara selanjutnya dari Bahagian 2.5.1 Masalah Pembelajaran Dan Rasional Pemilihan Tajuk GPG. Masalah-masalah tersebut perlu diatasi dalam usaha meningkatkan prestasi pelajaran Matematik Tambahan para pelajar.

Sistem pendidikan pada masa sekarang didapati kurang menekankan kepada usaha memperkembangkan daya pemikiran (Phillips, J. A., 1995) dan KBKK pelajar. Penekanan didapati lebih tertumpu kepada usaha menghabiskan sukatan pelajaran sekolah dan melengkapkan diri pelajar menghadapi peperiksaan sahaja. Penekanan sebegini cenderung menghasilkan generasi pelajar yang suka menghafal fakta atau sukatan penting dan kurang menggunakan daya pemikiran mereka dalam menyelesaikan masalah pelajaran seharian. Keadaan ini membawa kepada masalah menggunakan KBKK oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif. Alternatif yang dicadangkan oleh penyelidik ialah pembangunan satu perisian yang mengambil kira KBKK yang digunakan dalam mempelajari tajuk GPG dan membolehkan pelajar melatih KBKK yang perlu dikuasai dalam mempelajari tajuk tersebut.

Sesetengah pendekatan pengajaran guru mungkin berkesan untuk sesetengah pelajar tetapi mungkin tidak berkesan untuk pelajar yang lain. Sebagai contoh, pelajar yang memiliki jenis personaliti EN (*Extravert-Intuitive*) didapati paling gemar kepada kerja berkumpulan (Lawrence, 1993) manakala IN (*Introvert-Intuitive*) pula paling tidak gemar kepada kerja berkumpulan (Gardner dan Korth, 2001). IN paling gemar kepada pembelajaran tersendiri (*independent study*). Maka, pendekatan pengajaran guru yang menggunakan kerja berkumpulan mungkin lebih memanfaatkan pelajar EN tetapi tidak untuk pelajar IN. Persekitaran pembelajaran yang dapat mengoptimumkan pembelajaran semua pelajar yang mempunyai personaliti yang berlainan merupakan satu cabaran (Gardner dan Korth, 2001) untuk para guru pada dekad ini. Alternatif yang dicadangkan oleh penyelidik ialah pembangunan satu perisian yang mengambil kira jenis personaliti pelajar yang berlainan dalam pembelajaran mereka. Perisian tersebut membolehkan pelajar bebas memilih persekitaran pembelajaran yang disukai dan bersesuaian.

Banyak pihak, sama ada di luar negara (Swartz dan Parks, 1994; Zielinski dan Sarachine, 1993) atau di Malaysia (Som dan Mohamad Dahalan, 2002; Poh, 2000), berpendapat bahawa kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) merupakan kemahiran yang penting dalam sistem pendidikan pada masa sekarang; khususnya untuk mata pelajaran matematik (Noor Shah Saad, 2002; Noraini Idris, 2001). Penguasaan KBKK yang mahir dapat menyediakan generasi pelajar pada masa sekarang menangani pelajaran mereka dengan bijak. Pelbagai pihak turut menekankan keperluan penguasaan dan peningkatan KBKK pelajar (Swartz dan Parks, 1994; Som dan Mohamad Dahalan, 2002) apabila berhadapan dengan situasi yang berlainan (Cook, 2001) dan mencabar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Melalui KBKK, pelajar dapat sentiasa digalakkan berfikir untuk meningkatkan pencapaian akademik dan juga kualiti pemikiran mereka. Penyelidik-penyelidik telah menunjukkan bahawa perkembangan kemahiran berfikir, seperti KBKK, dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam matematik (Noor Shah Saad, 2002; Poh, 2000).

Kemampuan teknologi komputer dalam mempengaruhi pemikiran (Papert, 1980) dan mengubah cara pemikiran (Kallick, 2001) para pelajar turut menyumbangkan kepada rasional perjalanan kajian ini. Menurut Kallick, apabila

potensi komputer digunakan dengan sepenuhnya, komputer dapat mengubah pemikiran dan menjana pengetahuan yang baru. Dengan menggunakan sifat komputer yang interaktif dengan sepenuhnya, sebagai contoh, persekitaran yang membolehkan pelajar mempelajari sesuatu melalui penerokaan sendiri, menerima maklum balas yang diperlukan dan membina pengetahuan baru secara berterusan dapat dihasilkan. Usaha boleh dijalankan untuk menggalakkan perkembangan KBKK pelajar melalui penggunaan komputer.

Untuk menggunakan komputer dalam menggalakkan perkembangan KBKK pelajar, penekanan haruslah memfokus lebih pada proses pembelajaran dan juga proses pemikiran para pelajar (Morrison dan Lowther, 2001) yang mempunyai personaliti yang berlainan di samping memfokus pada kandungan sesuatu pelajaran. KBKK seperti menganalisis, membuat inferens, menilai dan sebagainya haruslah dititikberatkan. Pelajar haruslah dilengkapi dengan keupayaan KBKK yang mahir untuk menggunakan dan menilai maklumat dalam membina pemahaman dan pengetahuan baru.

Berasaskan rasional-rasional kajian yang ada, maka kajian ini menitikberatkan KBKK yang digunakan oleh pelajar yang mempunyai personaliti yang berlainan dalam mempelajari tajuk Gerakan Pada Garis Lurus. Kajian ini juga mengkaji pelajar yang mempunyai personaliti yang berlainan cenderung menguasai KBKK yang mana satu dalam pembelajaran tajuk tersebut. Satu perisian pembelajaran berkomputer dibangunkan berasaskan jenis personaliti pelajar yang berlainan dan KBKK yang perlu dikuasai oleh pelajar. Seterusnya, keberkesanan perisian yang dibangunkan dinilai dalam membantu penguasaan KBKK pelajar yang mempunyai personaliti yang berlainan.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (a) menganalisis personaliti dan KBKK yang perlu dikuasai oleh pelajar

Tingkatan Enam Rendah.

- (b) membangunkan satu perisian pembelajaran berkomputer yang berasaskan personaliti dan KBKK pelajar bagi tajuk Gerakan Pada Garis Lurus.
- (c) menilai keberkesanan perisian yang dibangunkan dari aspek pencapaian pelajar dalam bentuk tahap penguasaan KBKK pelajar.
- (d) mengkaji bagaimana pelajar dengan kepelbagaian personaliti menggunakan KBKK yang perlu dikuasai dalam tajuk Gerakan Pada Garis Lurus melalui perisian yang dibangunkan.

Secara khususnya, persoalan-persoalan kajian ini adalah seperti berikut:


- (a) Apakah jenis personaliti yang dimiliki oleh pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah?
- (b) Apakah jenis KBKK yang digunakan oleh pelajar dalam mempelajari tajuk Gerakan Pada Garis Lurus?
- (c) Apakah aktiviti pembelajaran berkomputer yang disukai oleh pelajar yang memiliki jenis personaliti yang berlainan?
- (d) Apakah tahap pencapaian mengikut KBKK pelajar sebelum menggunakan perisian?
- (e) Apakah tahap pencapaian mengikut KBKK pelajar selepas menggunakan perisian?
- (f) Adakah perisian yang dibangunkan berasaskan kepelbagaian personaliti dan KBKK pelajar memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar?
- (g) Apakah corak penguasaan KBKK yang dimiliki oleh pelajar-pelajar IN, EN, IS, ES?
 - (i) Apakah corak penguasaan keseluruhan KBKK bagi pelajar-pelajar IN, EN, IS, ES?
 - (ii) Apakah corak penguasaan setiap jenis KBKK bagi pelajar-pelajar IN, EN, IS, ES?
- (h) Bagaimanakah pelajar menggunakan perisian dalam tajuk Gerakan Pada Garis Lurus (GPGGL)?
 - (i) Apakah corak interaksi terhadap penguasaan KBKK melalui

- perisian bagi pelajar-pelajar IN, EN, IS, ES?
- (ii) Apakah mod pembelajaran yang disukai oleh pelajar-pelajar IN, EN, IS, ES melalui penggunaan perisian?
 - (iii) Apakah corak perayauan pelajar-pelajar IN, EN, IS, ES melalui penggunaan perisian?

1.6 Kerangka Teori (*Theoretical Framework*) Kajian

Kerangka teori kajian ini (rujuk Rajah 1.1) bertujuan untuk memberikan dimensi yang baru dan merangsang dalam memenuhi kecenderungan serta penguasaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) pelajar yang mempunyai personaliti yang berlainan. Kerangka teori kajian ini dihasilkan selepas dapatan kajian awal I dianalisis (rujuk Bahagian 5.2.1 Dapatan Kajian Awal I). Kajian awal merupakan satu percubaan penyelidikan untuk memperolehi maklum balas atau idea-idea berkenaan dengan kerangka ini. Kerangka ini digunakan untuk perisian pendidikan matematik. Dalam kajian ini, perisian pendidikan matematik yang dibangunkan dinamakan *MathSoft*, dengan maknanya *Mathematics Software*. *MathSoft* mengambil kira 4 jenis personaliti pelajar yang berlainan dan juga KBKK yang digunakan dalam kajian.

Jenis personaliti pelajar diukur dengan menggunakan instrumen MBTI (*Myers-Briggs Type Indicator*) dan terbahagi kepada pelajar jenis EN (*Extravert-Intuitive*), IN (*Introvert-Intuitive*), IS (*Introvert-Sensing*), ES (*Extravert-Sensing*). Teori di belakang MBTI ialah teori jenis. Teori jenis menjangka individu manusia dilahirkan dengan kecenderungan suka melatih dan memiliki sikap yang lebih suka terhadap sesuatu perkara. Teori jenis juga menjangka perbezaan yang spesifik wujud pada individu-individu yang berlainan. Kecenderungan dan perbezaan sebegini menyumbangkan kepada rasional untuk menangani perbezaan individu dengan lebih konstruktif. Teori jenis turut menyatakan bahawa individu boleh memperolehi manfaat hasil daripada mengetahui jenis personaliti mereka sendiri, contohnya melalui dikotomi jenis E-I, S-N (Myers dan McCaulley, 1985; Myers, et.al, 1998).



Rajah 1.1 Kerangka teori kajian

KBKK kajian ini terdiri daripada kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berfikir secara kreatif (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002; Iowa Department of Education, 1989; Wong & Wong, 2003; Poh, 2000). Kemahiran-kemahiran ini merupakan kemahiran berfikir yang penting dan perlu dikuasai dengan mahir oleh pelajar untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka dalam tajuk Gerakan Pada Garis Lurus (GPGGL). Kemahiran berfikir secara kritis terbahagi kepada kategori kemahiran-kemahiran menganalisis, menilai dan menghubungkan. Kemahiran berfikir secara kreatif terbahagi kepada kategori kemahiran menggambarkan.

Terdapat kemahiran-kemahiran spesifik yang dikelaskan di bawah setiap kategori kemahiran tersebut. Kemahiran menganalisis terbahagi kepada kemahiran menerangkan. Kemahiran menghubungkan terbahagi pula kepada kemahiran-kemahiran membandingbeza, membuat inferens, mengecamkan perhubungan. Kemahiran menilai terbahagi pula kepada kemahiran membuat operasi kiraan (mengira). Kemahiran menggambarkan pula terbahagi kepada kemahiran melakar.


Perkaitan di antara pemikiran kritis dan pemikiran kreatif adalah dinamik memandangkan pengetahuan baru yang dijanakan melalui pemikiran kreatif mungkin juga dianalisis dengan menggunakan pemikiran kritis. Kedua-dua kemahiran ini sering digunakan secara dinamik dalam memahami sesuatu tajuk dengan mendalam dan menyelesaikan sesuatu masalah. KBKK kajian ini disesuaikan dari Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), Iowa Department of Education (1989), Wong & Wong (2003) dan Poh (2000). Rasional penyesuaian tersebut ialah kerana dalam kajian ini, KBKK yang digunakan melibatkan kategori KBKK yang umum (Iowa Department of Education (1989), KBKK dalam konteks Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002), kemahiran-kemahiran berfikir untuk tajuk Gerakan Pada Garis Lurus (Wong & Wong, 2003) dan KBKK untuk subjek Matematik (Poh, 2000).

MathSoft dibangunkan berasaskan kepada 4 jenis personaliti, KBKK kajian dan ciri-ciri konstruktivisme. Pelajar dengan jenis personaliti-kritis/kreatif yang berlainan menggunakan *MathSoft* untuk melatih KBKK dan membantu pembelajaran tajuk GPGGL mereka. KBKK kajian ini dikenal pasti sebagai KBKK yang perlu

dikuasai oleh pelajar untuk memahami tajuk GPL dengan lebih baik. Beberapa ciri konstruktivisme yang penting turut diambil kira dalam pembangunan perisian *MathSoft* (rujuk Rajah 1.1). Ciri-ciri konstruktivisme tersebut meliputi komputer menyokong proses pembelajaran yang konstruktif, komputer menyokong penjelajahan secara kawalan sendiri yang bebas dan komputer menyokong pembelajaran secara interpretasi peribadi terhadap pengalaman.

5 modul perisian *MathSoft* untuk kajian ini kemudiannya dibangunkan dengan mengambil kira teori jenis, KBKK dan ciri-ciri konstruktivisme. 5 modul perisian tersebut meliputi modul perisian yang mempunyai ciri-ciri KBKK dan keadaan normal; modul perisian yang mempunyai ciri-ciri KBKK dan jenis personaliti EN; modul perisian yang mempunyai ciri-ciri KBKK dan jenis personaliti IN; modul perisian yang mempunyai ciri-ciri KBKK dan jenis personaliti IS; modul perisian yang mempunyai ciri-ciri KBKK dan jenis personaliti ES. Kandungan tajuk GPL untuk 5 modul perisian *MathSoft* adalah sama. Jenis KBKK yang terkandung dalam 5 modul perisian *MathSoft* juga adalah sama. Perbezaan di antara 5 modul perisian *MathSoft* ialah mod-mod pembelajaran yang masing-masing direka bentuk bersesuaian dengan jenis personaliti EN, jenis personaliti IN, jenis personaliti IS, jenis personaliti ES dan keadaan normal. Pelajar boleh memilih dan menggunakan modul perisian yang paling disukai oleh mereka.

Selepas pelajar memasuki modul perisian yang disukai oleh mereka, pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES boleh memilih untuk mempelajari dan menguji di antara KBKK jenis membandingbeza dan mengira, melakar dan menerangkan, membuat inferens dan mengira, atau mengecamkan perhubungan. Pelajar boleh memilih untuk mempelajari, menguji dan menguasai sebarang KBKK dengan berpandukan kepada komponen-komponen dalam Model ELA (rujuk Rajah 1.2); di mana E mewakili Enjin KBKK, L mewakili Latih, A mewakili Aplikasi. *MathSoft*, yang terbahagi kepada 5 modul perisian, digunakan berasaskan kepada Model ELA. Model ELA meliputi komponen-komponen KBKK, fokus, fokus baru, perhatikan masalah, penyelesaian masalah, latih dan aplikasi.



Rajah 1.2 Model ELA (E=Enjin KBKK; L=Latih; A=Aplikasi)
(Ubahsuai dari Eileen Zerba – *Critical Thinking Cyclic Model*)

Model ELA diubahsuai dari *Critical Thinking Cyclic Model* yang direka bentuk oleh Eileen Zerba. Perubahan yang dilakukan terhadap *Critical Thinking Cyclic Model* meliputi penambahan komponen latih dan komponen aplikasi. Dalam Model ELA, penyelidik menambahkan komponen latih dan komponen aplikasi kerana penyelidik hendak pelajar melatih dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang dikuasai oleh mereka melalui penyelesaian masalah. Selain itu, *Critical Thinking Cyclic Model* boleh digunakan untuk menguasai kemahiran berfikir secara

kritis secara umum. Bagi Model ELA, model ini boleh digunakan untuk menguasai KBKK jenis membandingbeza dan mengira, KBKK jenis melakar dan menerangkan, KBKK jenis membuat inferens dan mengira, serta KBKK jenis mengecamkan perhubungan.

Untuk komponen KBKK, pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES berpeluang menyusun semula pengetahuan (berfikir secara kritis) dan menjana pengetahuan (berfikir secara kreatif). Jika pelajar memilih untuk menguji KBKK jenis membandingbeza dan mengira, contohnya, pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES terlebih dahulu fokus pada aktiviti-aktiviti membandingbeza untuk memahaminya, kemudian, pelajar memerhatikan masalah yang ditunjukkan dalam perisian *MathSoft*. Masalah tersebut membolehkan pelajar menguji penguasaan kandungan tajuk GPL bersama-sama dengan kemahiran yang perlu digunakan dalam menyelesaikan masalah tersebut, contohnya dalam kes ini, kemahiran membandingbeza dan mengira. Seterusnya, pelajar dibimbing untuk menyelesaikan masalah atau melakukan pengiraan yang bersesuaian untuk mencapai penyelesaian masalah. Untuk mempelajari pengetahuan yang lain, pelajar memfokus pada masalah yang baru serta seterusnya melalui kitaran memerhatikan masalah dan mencapai penyelesaian masalah sekali lagi.

Setelah puas menjelajah perisian *MathSoft* dan menyelesaikan masalah yang diberikan, pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES berpeluang melatih sendiri kandungan tajuk GPL dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam mempelajari tajuk tersebut. Maka, untuk komponen latih, pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES melatih KBKK dalam tajuk GPL melalui *MathSoft* dengan menginput data sendiri. Pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES dapat menangani kecenderungan belajar dengan konstruktif. Pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES juga dapat belajar secara memperolehi pengalaman dan mengukuhkan pengetahuan mereka melalui penggunaan *MathSoft*. Persekitaran pembelajaran tersebut boleh dicapai melalui input persamaan (*Input Equation*) dan manipulasi kereta (*Vehicle Manipulation*) dalam *MathSoft*. Untuk komponen aplikasi, pelajar-pelajar EN, IN, IS, ES mengaplikasikan pengetahuan mereka ke soalan-soalan, kes-kes dan contoh-contoh yang lain dalam kehidupan seharian mereka. Dalam *MathSoft*, komponen aplikasi terbahagi kepada video mengenai

sesaran (*Video on Displacement*), permainan meter laju (*Speedometer Game*) dan gerakan di bawah tindakan graviti seragam (*Vertical Motion*).

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting dalam:

- (a) membantu pelajar mengenali KBKK yang cenderung digunakan atau dilalaikan oleh mereka dalam mempelajari tajuk GPGL. Dalam kajian ini, pelajar digalakkan mengenal pasti dan mengukuhkan lagi KBKK yang cenderung digunakan supaya menjadi lebih mahir dalam menggunakan KBKK tersebut. Bagi KBKK yang lemah atau yang jarang digunakan, pelajar digalakkan memperbaiki dan meningkatkan lagi daya pemikiran tersebut. Dengan itu, prestasi pembelajaran mereka untuk tajuk GPGL dapat diperbaiki.
- (b) menggalakkan pembelajaran yang berdaya fikir secara kritis dan kreatif. Kajian ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mempraktikkan penggunaan KBKK dalam pembelajaran berkomputer matematik. Pelajar digalakkan untuk mempraktikkan penggunaan KBKK dan seterusnya menguasai KBKK yang mahir.
- (c) melatih KBKK pelajar yang mahir. Kajian ini memberi peluang kepada pelajar untuk melatih dan seterusnya memperkembangkan kebolehan berfikir secara kritis dan kreatif mereka melalui pembelajaran berkomputer. KBKK disebutkan dalam isi kandungan perisian yang dibangunkan supaya pelajar dapat memikirkan apa yang dipelajari oleh mereka. Perisian yang dibangunkan memberikan latihan yang bersesuaian untuk pelajar melatih KBKK mereka. Perisian yang dibangunkan berperanan memperluaskan pandangan pelajar supaya lebih kritis dan kreatif. Perkembangan KBKK pelajar seperti ini berperanan memperbaiki prestasi matematik pelajar.
- (d) membantu pelajar mengenali jenis personaliti mereka. Terdapat perbezaan yang tertentu bagi pelajar-pelajar yang berlainan.

Pengenalan personaliti pelajar membolehkan mereka menangani perbezaan mereka dengan lebih konstruktif. Bagi kaedah yang lebih digemari oleh mereka, pelajar digalakkan melibatkan diri secara bersemangat, biasa dan menunjukkan prestasi mereka yang paling baik. Bagi kaedah yang kurang digemari pula, pelajar digalakkan untuk membina kemahiran dan tingkah laku yang positif terhadap kaedah tersebut untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

- (e) memberikan hasil penyelidikan yang berguna kepada guru-guru matematik dan pensyarah-pensyarah matematik dalam merancang strategi yang terbaik untuk menerapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkomputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka seharian. Pengajaran dan pembelajaran berkomputer mempunyai peranan yang tersendiri dalam mempertingkatkan pembelajaran seharian para pelajar secara berkesan.
- (f) dijadikan sebagai satu sumber rujukan kepada pihak Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Pusat Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Teknologi Pendidikan dalam usaha menggubal suatu sistem pendidikan yang bertepatan dengan zaman teknologi maklumat. Reka bentuk kajian dan dapatan kajian ini dapat memberikan maklumat mengenai keadaan penggunaan teknologi komputer di kalangan pelajar, potensi penggunaan teknologi komputer dalam matematik dan maklumat lain yang bertujuan mempertingkatkan lagi mutu proses pengajaran dan pembelajaran dalam zaman teknologi maklumat ini.
- (g) dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada penyelidik lain yang ingin melanjutkan kajian mengenai KBKK, personaliti, pembangunan perisian dan sebagainya pada kelak hari. Malahan, kerangka teori, model reka bentuk pengajaran berkomputer, instrumen kajian dan dapatan kajian ini berperanan memberikan idea baru serta maklumat kepada penyelidik lain dalam menjalankan kajian lanjutan mengenai bidang seperti ini.
